



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN OPERASI CUKAI  
MENARA HASIL, ARAS 12  
PERSIARAN RIMBA PERMAI  
CYBER 8,  
63000 CYBERJAYA  
SELANGOR

Telefon : 03-83138888

Faks : 03-83137853

: 03-83137854

: 03-83137855

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Pengarah Eksekutif  
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)  
Unit B-13-1, Megan Avenue II  
No. 12 Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur  
(u.p: En. Harvindar Singh A/L Chanan Singh)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

LHDN.AL.D.100-11/2/1

26 Jun 2023

Tuan,

## MAKLUM BALAS PORTAL TAeF BAGI PENGEMUKAAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan bertarikh 16 Jun 2023 berkaitan perkara di atas.

2. PKPS 2.0 merupakan inisiatif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk menyokong rukun pemampanan dalam pentadbiran percukaian negara seiring dengan konsep Malaysia Madani. Program ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah memuat naik Garis Panduan Operasi Bil. 2 Tahun 2023 dan Soalan Lazim PKPS 2.0 sebagai panduan kepada pembayar cukai.

3. Merujuk kepada surat tuan bertarikh 16 Jun 2023, berikut adalah maklum balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM);

### 1. TAeF portal has no option for SVDP 2.0

In view of the above, please advise: -

- a) How can tax agents submit the voluntary disclosure (VD) within the SVDP 2.0 implementation period on behalf of their clients for **existing taxpayers**?

#### Maklum balas:

Berdasarkan kepada Soalan Lazim PKPS 2.0, berikut adalah kategori pembayar cukai yang layak dan berkaitan;

- i. Pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi terdapat BNCP yang **tidak** dikemukakan bagi mana-mana tahun taksiran yang lain;



Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP secara e-Filing melalui TAeF.

- ii. Pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi mempunyai pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan.

Pengemukaan PKPS 2.0 bagi tambahan pendapatan perlu melalui Sistem MyTax di mana ejen cukai perlu log masuk ke MyTax menggunakan ID Individu dan memilih menu PKPS 2.0 serta kategori Ejen Cukai.

Ejen cukai perlu memasukkan maklumat pembayar cukai yang tepat seterusnya memuat naik Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.

Berikut adalah paparan skrin bagi PKPS 2.0 melalui MyTax;



The screenshot shows the MyTax portal interface. At the top, there is a navigation bar with the MyTax logo, 'Perkhidmatan ezHasil', 'e-Janji Temu', 'Maklum Balas Pelanggan', 'PKPS 2.0', and 'Panduan Pengguna'. There are also buttons for 'Cerah', 'ENG', and 'Log Keluar'. Below the navigation bar, there are four tabs: 'Maklumat Pengirim Dan Pembayar Cukai', 'Kategori Dan Keterangan Maklum Balas', 'Previu Dan Hantar', and 'Pengesahan Dan Maklumbalas'. The 'Maklumat Pengirim Dan Pembayar Cukai' tab is active, showing two main sections: 'MAKLUMAT PENGIRIM' and 'MAKLUMAT PEMBAYAR CUKAI'. The 'MAKLUMAT PENGIRIM' section includes fields for 'Kategori Pelanggan' (Ejen Cukai), 'Jenis Pengenalan' (No. Kad Pengenalan), 'No Pengenalan', 'Nama Penuh', 'Warganegara' (Warganegara selected), and 'E-mel'. The 'MAKLUMAT PEMBAYAR CUKAI' section includes fields for 'Nama Pembayar Cukai', 'Jenis Pengenalan' (No. Kad Pengenalan), 'No. Pengenalan' (with a red error message: 'Nombor tidak boleh kurang dari 12 angka'), 'Nombor Pengenalan Cukai (TIN)', and 'No Telefon' (with a red error message: 'No telefon tidak boleh kurang daripada 7 angka').

- b) We would like to request HASiL to update the TAeF portal to include the option for submission of SVDP 2.0 form via TAeF portal.

**Maklum balas:**

Perkara ini telah diambilkira dalam pembangunan TAeF 2.0 dan dijangka tersedia untuk digunakan pada November 2023.

- c) Meanwhile, we would like to request that tax agents be allowed to submit the VD to HASiL manually for **new and existing taxpayers** through HASiL's branches while HASiL updates the TAeF portal accordingly.

**Maklum balas:**

Perkara ini telah diambilkira dalam pembangunan TAeF 2.0. Pengemukaan PKPS 2.0 melalui ejen cukai adalah seperti di bawah;

- i. Pembayar cukai baharu

Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP secara e-Filing melalui TAeF.

- ii. **Pembayar cukai sedia ada** yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi terdapat BNCP yang **tidak** dikemukakan bagi mana-mana tahun taksiran yang lain;

Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP secara e-Filing melalui TAeF.

- iii. **Pembayar cukai sedia ada** yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi mempunyai pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan.

Pengemukaan PKPS 2.0 bagi tambahan pendapatan perlu melalui Sistem MyTax di mana ejen cukai perlu log masuk ke MyTax dan

memilih menu PKPS 2.0 serta kategori Ejen Cukai seperti dalam jawapan di soalan 1(a).

**2. Proposed amendment to the Operational Guidelines No. 2/2023 (GPHDN 2/2023) dated 2 June 2023 on SVDP 2.0**

CTIM would like to request for HASiL's consideration to amend the above paragraph 5.3.5 accordingly to state that SVDP 2.0 can be submitted via MyTax portal and the TAeF portal (and TAeF portal to be updated accordingly). In the meantime, to please allow manual submissions through the various HASiL branches

**Maklum balas:**

Maklum balas adalah seperti jawapan di soalan 1(c).

4. LHDNM akan memuat naik pindaan **Soalan Lazim Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0** ke portal rasmi LHDNM dalam masa terdekat.
5. Perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**[ SHAHARRUDY BIN OTHMAN ]**

Pengarah

Jabatan Operasi Cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia